

Bil. S 42

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA SYARIKAT (PINDAAN), 2015

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa.
 2. Pindaan bab 122 dari Penggal 39.
 3. Pemasukan bab 145A baru.
 4. Pemasukan bab 147A baru.
 5. Pemasukan bab 311A baru.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA SYARIKAT (PINDAAN), 2015

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Syarikat (Pindaan), 2015 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb Februari 2015.

Pindaan bab 122 dari Penggal 39.

2. Bab 122 dari Akta Syarikat, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas ceraian (2) empat ceraian baru yang berikut —

“(2A) Laporan yang disebut dalam ceraian (2) hendaklah menyatakan dengan butiran yang betul —

(a) nama-nama pengarah yang memegang jawatan sepanjang tempoh dalam laporan;

(b) sama ada pada tahun kewangan dalam laporan, syarikat itu adalah pihak, dalam apa-apa penyusunan yang matlamat-matlamatnya adalah, (atau salah satu matlamatnya adalah), untuk membolehkan pengarah-pengarah syarikat itu memperoleh manfaat dengan cara pemerolehan saham dalam, atau debentur, syarikat itu. Jika demikian, laporan itu hendaklah mengandungi —

(i) suatu pernyataan yang menerangkan kesan penyusunan itu;

(ii) nama-nama orang yang pada bila-bila masa dalam tahun itu menjadi —

(A) pengarah syarikat itu; dan

(B) telah memegang (atau yang penama-penama mereka memegang) saham atau debentur yang diperoleh menurut penyusunan itu; dan

(c) maklumat yang berikut —

- (i) sama ada atau tidak mana-mana pengarah syarikat itu mempunyai kepentingan (pada akhir tahun dalam laporan) ke atas saham dalam (atau debentur) syarikat itu atau mana-mana badan korporat lain (iaitu subsidiari syarikat itu, syarikat pemegangan atau subsidiari syarikat pemegangan bagi syarikat itu). Jika dia mempunyainya, bilangan dan jumlah saham dalam (dan debentur) setiap badan (dengan menyatakannya) yang ke atasnya dia mempunyai kepentingan pada masa itu; dan
- (ii) sama ada atau tidak, mana-mana pengarah syarikat itu mempunyai kepentingan, pada awal tahun dalam laporan (atau jika dia pada masa itu bukan seorang pengarah, apabila dia menjadi seorang pengarah) ke atas saham dalam (atau debentur) syarikat itu atau mana-mana badan korporat lain (iaitu subsidiari syarikat itu, syarikat pemegangan atau subsidiari syarikat pemegangan bagi syarikat itu). Jika dia mempunyainya, bilangan dan jumlah saham dalam (dan debentur) setiap badan (dengan menyatakannya) yang ke atasnya dia mempunyai kepentingan pada masa itu.

(2B) Pengarah-pengarah sebuah syarikat hendaklah menyatakan dalam laporan itu sama ada sejak akhir tahun kewangan yang terdahulu seorang pengarah syarikat itu telah menerima atau menjadi berhak menerima suatu manfaat (selain dari suatu manfaat yang dimasukkan dalam amaun keseluruhan emolumen yang diterima atau genap masanya dibayar dan kena diterima oleh pengarah-pengarah yang ditunjukkan dalam akaun; jika syarikat itu adalah sebuah syarikat pemegangan, akaun yang disatukan menurut piawaian perakaunan yang terpakai atau gaji tetap seseorang pekerja sepenuh masa syarikat itu) oleh sebab suatu kontrak yang dibuat oleh syarikat itu atau suatu perbadanan yang berkaitan dengan pengarah itu atau dengan suatu firma yang dia adalah ahlinya, atau dengan sebuah syarikat yang dia mempunyai suatu kepentingan kewangan yang besar dan, jika demikian, jenis manfaat itu secara am.

(2C) Menteri boleh menetapkan maklumat tambahan yang akan diberikan dalam laporan itu di bawah bab ini. Maklumat tambahan itu hendaklah sebagaimana yang dianggap perlu oleh Menteri untuk memudahkan pemahaman mengenai perniagaan syarikat itu (atau kumpulan syarikat bagi syarikat pemegangan, mengikut mana yang berkenaan) oleh ahli-ahli syarikat itu (atau syarikat pemegangan, mengikut mana yang berkenaan).”.

Pemasukan bab 145A baru.

3. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 145 bab baru yang berikut —

“Daftar pemegangan saham pengarah.

145A. (1) Sesebuah syarikat hendaklah menyimpan suatu daftar yang menunjukkan berkenaan dengan setiap pengarah syarikat itu butir-butir —

(a) saham dalam syarikat itu atau dalam suatu perbadanan yang berkaitan, iaitu saham yang pengarah itu adalah seorang pemegang berdaftar atau yang dia mempunyai suatu kepentingan dan jenis dan takat kepentingan itu;

(b) debentur atau kepentingan penyertaan yang disediakan oleh syarikat itu atau suatu perbadanan yang berkaitan yang dipegang oleh pengarah itu atau yang dia mempunyai suatu kepentingan dan jenis dan takat kepentingan itu;

(c) hak atau opsyen pengarah itu atau pengarah itu dan seorang yang lain atau orang lain berkaitan dengan pemerolehan atau pelupusan saham dalam syarikat itu atau suatu perbadanan yang berkaitan; dan

(d) kontrak yang pengarah itu menjadi suatu pihak atau yang di bawahnya dia berhak mendapat suatu manfaat, iaitu kontrak yang di bawahnya seseorang itu mempunyai hak memanggil atau membuat penyerahan saham dalam syarikat itu atau dalam suatu perbadanan yang berkaitan.

(2) Sesebuah syarikat tidak perlu menunjukkan, dalam daftarnya berkenaan dengan seorang pengarah, butir-butir saham dalam suatu perbadanan yang berkaitan yang merupakan subsidiari milik penuh syarikat itu atau perbadanan lain.

(3) Sesebuah syarikat yang merupakan subsidiari milik penuh syarikat lain hendaklah dianggap telah mematuhi bab ini berhubung dengan seorang pengarah yang menjadi pengarah syarikat lain itu jika butir-butir yang dikehendaki oleh bab ini untuk ditunjukkan dalam daftar syarikat yang mula-mula disebutkan berkaitan dengan pengarah itu ditunjukkan dalam daftar syarikat yang kedua disebutkan itu.

(4) Bagi maksud cerai-ceraian (2) dan (3), sesebuah syarikat itu adalah subsidiari milik penuh syarikat lain jika tidak seorang pun daripada ahli-ahli syarikat yang mula-mula disebutkan adalah seseorang selain —

(a) syarikat yang kedua disebutkan;

(b) penama bagi syarikat yang kedua disebutkan;

(c) subsidiari bagi syarikat yang kedua disebutkan iaitu subsidiari yang tidak seorang pun daripada ahli-ahlinya adalah seseorang selain syarikat yang kedua disebutkan atau penama bagi syarikat yang kedua disebutkan; atau

(d) penama bagi subsidiari tersebut.

(5) Sesebuah syarikat hendaklah, dalam masa 3 hari selepas menerima notis daripada seorang pengarah di bawah bab 147A(1)(a), memasukkan dalam daftarnya berhubung dengan pengarah itu butir-butir yang disebut dalam ceraiian (1) termasuk bilangan dan perihalan saham, debentur, kepentingan penyertaan, hak, opsyen dan kontrak yang disebut dalam notis itu dan berkaitan dengan saham, debentur, kepentingan penyertaan, hak atau opsyen yang diperoleh atau kontrak yang dibuat selepas dia menjadi seorang pengarah —

(a) harga atau balasan lain bagi transaksi, jika ada, yang kerananya suatu catatan dikehendaki untuk dibuat di bawah bab ini; dan

(b) tarikh —

(i) perjanjian bagi transaksi itu atau, jika kemudian, penyempurnaan transaksi itu; atau

(ii) jika tiada transaksi, berlakunya kejadian yang kerananya suatu catatan dikehendaki untuk dibuat di bawah bab ini.

(6) Sesebuah syarikat hendaklah, dalam masa 3 hari selepas menerima suatu notis daripada seorang pengarah di bawah bab 147A(1)(b), memasukkan dalam daftarnya butir-butir perubahan yang disebut dalam notis itu.

(7) Sesebuah syarikat tidak akan dianggap, oleh sebab apa-apa jua yang dilakukan di bawah bab ini, bagi sebarang maksud sebagai mengetahui atau sebagai kena siasat tentang hak seseorang atau berhubung dengan sesuatu saham dalam debentur atau kepentingan penyertaan yang disediakan oleh syarikat itu.

(8) Sesebuah syarikat hendaklah, tertakluk kepada bab ini, menyimpan daftarnya di pejabat berdaftar syarikat itu dan daftar tersebut hendaklah terbuka untuk pemeriksaan oleh seseorang ahli syarikat itu tanpa bayaran dan oleh mana-mana orang lain selepas membayar jumlah wang sebanyak \$3 bagi setiap pemeriksaan atau jumlah wang yang kurang sebagaimana yang dikehendaki oleh syarikat itu.

(9) Seseorang boleh meminta sesebuah syarikat untuk memberikan kepadanya satu salinan daftarnya atau mana-mana bahagiannya selepas membayar terlebih dahulu jumlah wang sebanyak \$1 atau jumlah wang yang kurang sebagaimana yang dikehendaki oleh syarikat itu bagi setiap muka surat atau sebahagiannya yang dikehendaki untuk disalin dan syarikat itu hendaklah menghantar salinan tersebut kepada orang itu dalam masa 21 hari atau tempoh yang lebih lama sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pendaftar selepas hari permintaan tersebut diterima oleh syarikat itu.

(10) Pendaftar boleh dengan notis secara bertulis menghendaki sesebuah syarikat untuk menghantar kepadanya dalam masa sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam notis itu satu salinan daftarnya atau mana-mana bahagiannya.

(11) Sesebuah syarikat hendaklah mengemukakan daftarnya pada permulaan setiap mesyuarat agung tahunan syarikat itu dan sentiasa terbuka dan boleh diakses dalam mesyuarat itu oleh semua orang yang menghadiri mesyuarat itu.

(12) Adalah menjadi suatu pembelaan kepada pihak pendakwa kerana gagal mematuhi cerai (1) atau (5) berkaitan dengan butir-butir mengenai seorang pengarah jika defendan membuktikan bahawa kegagalan itu disebabkan oleh kegagalan pengarah tersebut untuk mematuhi bab 147 berhubung dengan butir-butir itu.

(13) Dalam bab ini —

(a) sebutan kepada suatu kepentingan penyertaan adalah sebutan kepada suatu unit dalam suatu skim pelaburan kolektif yang disebut dalam Bahagian IX Perintah Pasaran Sekuriti, 2013 (S 59/2013); dan

(b) sebutan kepada seseorang yang memegang atau memperoleh saham, debentur atau kepentingan penyertaan atau suatu kepentingan ke atas saham, debentur atau kepentingan penyertaan termasuk sebutan kepada seseorang yang di bawah suatu opsyen memegang atau memperoleh suatu hak untuk memperoleh atau melupuskan suatu saham, debentur atau kepentingan penyertaan atau suatu kepentingan ke atas suatu saham, debentur atau kepentingan penyertaan.

(14) Bagi maksud-maksud bab ini —

(a) seseorang pengarah sebuah syarikat hendaklah dianggap memegang atau mempunyai suatu kepentingan atau suatu hak ke atas atau terhadap apa-apa saham atau debentur jika isteri atau suami kepada pengarah itu (bukannya seorang pengarah syarikat itu)

memegang atau mempunyai suatu kepentingan atau suatu hak ke atas atau terhadap apa-apa saham atau debentur atau budak lelaki atau budak perempuan kepada pengarah itu (bukannya budak lelaki atau budak perempuan itu seorang pengarah) memegang atau mempunyai suatu kepentingan ke atas saham atau debentur; dan

(b) sebarang kontrak, penyerahan hak atau hak langganan yang dijalankan atau dibuat oleh atau geran yang dibuat kepada isteri atau suami seorang pengarah sebuah syarikat (bukannya isteri atau suami itu seorang pengarah syarikat itu) hendaklah dianggap telah dibuat atau dijalankan atau dibuat atau, mengikut mana yang berkenaan, sebagai telah dibuat kepada pengarah itu; demikian juga suatu kontrak, penyerahan hak atau hak langganan yang dibuat, dijalankan atau dibuat oleh atau geran yang dibuat kepada budak lelaki atau budak perempuan kepada seorang pengarah sebuah syarikat (bukannya budak lelaki atau budak perempuan itu seorang pengarah syarikat itu).

(15) Dalam ceraian (14), “budak lelaki” termasuk budak lelaki tiri dan budak lelaki angkat dan “budak perempuan” termasuk budak perempuan tiri atau budak perempuan angkat.

(16) Jika bab ini tidak dipatuhi syarikat itu dan tiap-tiap pegawai syarikat itu yang tidak mematuhi adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$15,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan suatu denda tambahan sebanyak \$1,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.”.

Pemasukan bab 147A baru.

4. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 147 bab baru yang berikut —

“Kewajipan am untuk membuat pendedahan.

147A. (1) Seseorang pengarah sebuah syarikat hendaklah memberikan notis secara bertulis kepada syarikat itu —

(a) mengenai butir-butir berhubung dengan saham, debentur, kepentingan penyertaan, hak, opsyen dan kontrak yang diperlukan bagi maksud-maksud pematuhan bab 145A oleh syarikat subsidiari milik penuh yang disebut dalam bab 145A(3);

(b) mengenai butir-butir sebarang perubahan berkaitan dengan butir-butir yang disebut dalam perenggan (a) yang notis mengenainya

telah diberikan kepada syarikat itu termasuk balasan, jika ada, yang diterima akibat dari kejadian yang menimbulkan perubahan itu; dan

(c) mengenai kejadian dan perkara yang menyentuh atau berhubung dengan dirinya yang diperlukan bagi maksud-maksud pematuhan oleh syarikat itu kepada bab 143 yang dikenakan berhubung dengannya.

(2) Suatu notis di bawah ceraian (1) hendaklah diberikan —

(a) dalam hal suatu notis di bawah ceraian (1)(a), dalam masa 2 hari perniagaan selepas —

(i) tarikh pengarah itu menjadi seorang pengarah; atau

(ii) tarikh pengarah itu menjadi seorang pemegang berdaftar atau memperoleh suatu kepentingan ke atas saham, debentur, kepentingan penyertaan, hak, opsyen atau kontrak,

mengikut mana yang berlaku kemudian;

(b) dalam hal suatu notis di bawah ceraian (1)(b), dalam masa 2 hari perniagaan selepas berlakunya kejadian yang menimbulkan perubahan yang disebut dalam perenggan itu; dan

(c) dalam hal suatu notis di bawah ceraian (1)(d), dalam masa 2 hari perniagaan selepas tarikh pengarah itu menjadi seorang pengarah.

(3) Sesebuah syarikat hendaklah, dalam masa 7 hari selepas ia menerima suatu notis yang diberikan di bawah ceraian (1), menghantar satu salinan notis itu kepada setiap pengarah lain syarikat itu.

(4) Adalah menjadi suatu pembelaan bagi sesuatu pendakwa kerana kegagalan mematuhi ceraian (1)(a) atau (b) atau ceraian (2) jika defendan membuktikan bahawa kegagalannya itu adalah disebabkan dia tidak mengetahui sesuatu fakta atau kejadian yang kewujudannya perlu untuk menjadikan kesalahan itu dan bahawa —

(a) dia tidak mengetahuinya pada tarikh maklumat atau saman itu; atau

(b) dia mengetahuinya kurang dari 7 hari sebelum tarikh saman itu.

(5) Bagi maksud-maksud ceraian (4), seseorang itu hendaklah dianggap secara muktamad telah mengetahui pada masa tertentu mengenai sesuatu fakta atau kejadian —

(a) yang dia sepatutnya mengetahuinya pada masa itu, jika dia bertindak dengan usaha yang munasabah dalam menjalankan hal ehwalnya; atau

(b) yang seseorang pekerja atau ejen orang itu, sebagai seorang pekerja atau ejen yang mempunyai kewajipan atau bertindak berhubung dengan kepentingan atau kepentingan-kepentingan majikan atau prinsipalnya ke atas suatu saham dalam atau debentur atau kepentingan penyertaan yang diterbitkan oleh syarikat yang berkenaan, mengetahuinya atau sepatutnya mengetahuinya pada masa itu, jika dia bertindak dengan usaha yang munasabah dalam menjalankan hal ehwal majikan atau prinsipalnya.

(6) Dalam bab ini —

(a) sebutan kepada suatu kepentingan penyertaan adalah sebutan kepada suatu unit dalam suatu skim pelaburan kolektif yang disebut dalam Bahagian IX Perintah Pasaran Sekuriti, 2013 (S 59/2013); dan

(b) sebutan kepada seseorang yang memegang atau memperoleh saham, debentur atau kepentingan penyertaan atau suatu kepentingan ke atas saham, debentur atau kepentingan penyertaan termasuk sebutan kepada seseorang yang di bawah suatu opsyen memegang atau memperoleh suatu hak untuk memperoleh suatu saham, debentur, atau kepentingan penyertaan atau suatu kepentingan ke atas suatu saham, debentur atau kepentingan penyertaan.

(7) Mana-mana pengarah yang gagal mematuhi ceraian (1) atau (2) atau mana-mana syarikat yang gagal mematuhi ceraian (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$15,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan suatu denda tambahan sebanyak \$1,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.”.

Pemasukan bab 311A baru.

5. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 311 bab baru yang berikut —

“PENGUATKUASAAN

Mahkamah boleh memaksa pematuhan.

311A. (1) Jika mana-mana orang yang melanggar Akta ini, enggan atau tidak membenarkan pemeriksaan mana-mana daftar, buku minit atau dokumen, atau memberikan satu salinan mana-mana daftar, buku minit atau dokumen, Mahkamah boleh dengan perintah memaksa pemeriksaan serta-merta dibuat ke atas daftar, buku minit atau dokumen itu atau memerintahkan supaya salinan itu diberikan.

(2) Jika mana-mana pegawai atau pegawai terdahulu sebuah syarikat telah gagal atau meninggalkan daripada melakukan apa-apa perkara atau hal yang di bawah Akta ini dia adalah atau telah dikehendaki atau diarahkan untuk melakukannya, Mahkamah atas permohonan Pendaftar atau mana-mana ahli syarikat itu, Penerima Rasmi atau penyelesaian hutang-piutang boleh, dengan perintah, menghendaki pegawai atau pegawai terdahulu itu untuk melakukan perbuatan, perkara atau hal tersebut dengan serta-merta atau dalam masa yang dibenarkan oleh perintah itu, dan bagi maksud mematuhi mana-mana perintah itu pegawai terdahulu hendaklah dianggap mempunyai status, kuasa dan kewajipan yang sama seperti yang dipunyainya pada masa perbuatan, perkara atau hal itu sepatutnya dilakukan.”.

Diperbuat pada hari ini 10 haribulan Ramadhan, Tahun Hijrah 1436 bersamaan dengan 27 haribulan Jun, 2015 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM